

Akhbar : Utusan Malaysia  
Segmen : Forum/Surat Kepada Pengarang  
M/s : 12  
Tarikh : 9 Oktober 2009

## Imej Putrajaya tercalar di Presint Diplomatik

PUTRAJAYA satu nama yang begitu gagah kerana di situlah terletakinya Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Tabap kebersihannya amat memuaskan dan landskapnya begitu menarik dan terurus.

Namun apabila sahaja melangkah ke kawasan baru yang boleh juga dikatakan sebagai antara bandar baru di Putrajaya iaitu Presint Diplomatik, senario sebaliknya pula yang disaksikan.

Contohnya di Jalan Diplomatik

yang menempatkan sebuah pasar raya, lot-lot kedai dan pejabat termasuk pusat penerangan pelancongan, rimunan pokok-pokok hiasan sebagai landskap kelihatan terbiar tanpa diuruskan.

Bayangkan ketika di awal pembukaan kawasan ini, suasana persekitarannya kelihatan begitu menarik dan sejuk mata memandangi. Tetapi kini pokok landskap tersebut tidak ubah seperti kawasan semak

tanpa tuai yang tumbuh melata tanpa kawalan.

Kelihatan pelepah pohon hiasan yang gugur bertaburan dan menimpa pula pohon hiasan di bawahnya yang kini membesar tanpa diselenggarakan.

Rumput yang sepatutnya dipotong secara berjadual turut bebas membesar tanpa gangguan sehingga wujud kawasan mirip semak samun.

Contoh di hadapan restoran sup

bertentangan sebuah pasar raya. Selain itu keadaan trafik juga menjadikan Jalan Diplomatik menjadi sesak sebelum waktunya. Ini berikutan tiada mana-mana pihak berkaitan memantau trafik di kawasan ini.

Kenderaan boleh diletakkan di mana-mana sahaja termasuk di petak perhentian bas dan melakukan parking berlapis di hadapan kedai khususnya kedai makan.

Adakah pihak yang menyelengka-

rakan Presint Diplomatik masih belum bersedia untuk melaksanakannya kerana baru dibuka walaupun hampir setahun?

Hoklah jangan dibuka sesuatu kawasan baru khususnya kawasan tumpuan ramai selagi pihak berkaitan belum benar-benar bersedia mengurus dan menyelenggarakannya.

HALIM DIN  
Bandar Utama, Petaling Jaya



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada masalah yang dibangkitkan oleh Encik Halim Din melalui segmen Forum/Surat Kepada Pengarang pada 9 Oktober 2009 iaitu "Imej Putrajaya Tercalar Di Presint Diplomatik".

Sebagai makluman pengadu, tindakan penyelarasan dari segi penyenggaraan dan pembersihan kawasan bersama pihak pemaju Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. telah dibuat sebelum tersiarnya surat tersebut menerusi Utusan Malaysia. Pihak PPj akan mengambilalih kawasan tepian jalan berhadapan lot-lot komersil dan pejabat di Presint Diplomatik bermula pada 15 Oktober 2009. Justeru itu, pihak PPj bersama kontraktor landskap yang dilantik akan memastikan landskap kawasan tersebut diurus dengan baik.

PPj menghargai keprihatinan pengadu berhubung perkara ini. Pengadu dan orang ramai juga dialu-alukan membuat aduan atau cadangan penambahbaikan terus kepada talian aduan PPj iaitu 03-88873000.

**( ZAHARAH SALAMAT )**  
**Timbalan Pengarah Perhubungan Awam**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 12 Oktober 2009